



“

Suka Beta mengingatkan rakyat negeri ini supaya **menghindari** perkara yang dianggap **sensitif** kepada kaum lain demi memastikan perpaduan dan pembangunan dapat terus dipupuk dan berjalan lancar”

Tuanku Syed Sirajuddin
Syed Putra Jamalullail.
Raja Perlis

Rakyat Perlis digesa pelihara perpaduan

BT | 6.9.12 / 12 / D / Ps -

» Keharmonian kaum benteng utama bentuk kestabilan negara

Oleh Siti Fatimah
Mohamed Anwar
ctfa@bharian.com.my

► Kangar

Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bertitah mengingatkan rakyat di Perlis supaya memelihara perpaduan kerana ia adalah benteng utama memastikan kestabilan negara.

Baginda bertitah, sejarah membuktikan perpaduan menjadi benteng utama bagi kestabilan untuk memastikan kelangsungan pembangunan dan kemakmuran sejagat.

Justeru, suka Beta mengingatkan rakyat di negeri ini supaya menghindari perkara yang dianggap sensitif kepada kaum lain demi memastikan perpaduan dan pembangunan dapat terus dipupuk dan berjalan lancar.

“Perpaduan secara berhemah mampu membendung perpecahan dan kehancuran dalam masyarakat,” titah baginda pada majlis perasmian pembukaan penggal persidangan kelima, Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis ke-12, di sini, semalam.

Berkenan berangkat sama, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail serta Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreene Akashah Khalil.

Raja Perlis bertitah, Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sen-

tiasa memberi pelbagai bantuan untuk pembangunan Perlis bagi memastikan negeri ini mencapai kemajuan seperti diharapkan.

“Di kesempatan ini, beta rakamkan penghargaan kepada Kerajaan Pusat yang sentiasa memberi pelbagai bantuan untuk pembangunan negeri ini dan tanpa insentif terbabit, sememangnya sukar untuk Perlis mencapai kemajuan yang diharapkan,” titah baginda.

Baginda bertitah, usaha penambahbaikan sistem pengangkutan awam negeri perlu diutamakan bagi memberi keselesaan kepada rakyat.

“Pembinaan terminal bas dan teksi yang lebih berpusat dan efisyen perlu disegerakan untuk kemudahan rakyat. Beta juga percaya apabila Projek Landasan Keretapi Berkembar di antara Ipoh dan Padang Besar siap pada 2014, ia akan memberi impak tinggi sebagai ‘spillover’ kepada rangkaian pengangkutan dan perniagaan berkaitan,” katanya.